

قیته قیته

PETIKAN TITAH

"KITA sama-sama maklum, bawah Al-Quran diturunkan adalah sebagai 'hidayah' atau petunjuk yang lengkap bagi segenap aspek kehidupan, yang meliputi kehidupan di dunia membawa sehingga ke akhirat.

Satu daripada petunjuk Al-Quran itu ialah mengenai zakat. Zakat bukan saja satu kewajipan, malahan juga, salah satu dari Rukun Islam yang kelima."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1439H / 2018M.



**Pelita
BRUNEI**

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

ڦلڊوڻي

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"KAMU wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faeah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melaung daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)"

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 110.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49

TAHUN 63 / BILANGAN 93

4 OGOS 2018 / 1439 ذوالقعدة 22

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

Kerajaan berusaha baiki Eco-System Keusahawanan Belia

Oleh :
Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Program I-Usahawan akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha belia tempatan bagi

mengambil bahagian di dalam tender untuk kontrak-kontrak berisiko rendah dan sebagainya.

Setakat ini, terdapat sebanyak 30 kontrak industri minyak

dan gas bagi program perintis I-Usahawan, yang mana berpotensi untuk dilaratkan ke sektor lain dan juga sektor kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, Tahun 2018 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut titah baginda, pada satu ketika dahulu kita mempunyai program peladang muda dan dengan teknologi yang lebih moden serta peluang yang lebih luas di dalam 'Agribusiness', maka mungkin saja program itu sesuai untuk dihidupkan semula, dengan pendekatan yang baru.

"Pada hemat beta, semua inisiatif yang sedia ada dan sedang dirancang, jika dimanfaatkan sepenuhnya, tidak mustahil ia berupaya untuk melahirkan ratusan pengusaha dan ribuan peluang pekerjaan."

Ke muka 3



Muka 6 dan 7
PAMERAN Hari Belia Kebangsaan himpunan usahawan belia

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Kerajaan berusaha baiki Eco-System Keusahawanan Belia

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

Dari muka 1

"Oleh itu, pastikanlah ia, tidak disia-siakan," tegas baginda.

Terdahulu, baginda bertitah, mendapati di kebelakangan ini, berlaku kemajuan dan perkembangan positif di kalangan para belia kita, khasnya dalam bidang keusahawanan dan kemasyarakatan, sama ada secara individu maupun perkumpulan, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, hampir setiap hari kita mendengar dan membaca di dalam laman-laman media sosial tentang kejayaan anak-anak muda menerokai pelbagai bidang dalam kehidupan, yang mana setentunya menjadi pembakar semangat kepada semua.

"Kita adalah menyedari akan keperluan usaha. Kerana rezeki tidak datang bergolek, melainkan memerlukan usaha, dan dengan usaha itulah juga kita mampu menembusi dunia pasaran," titah baginda.

Menurut baginda, dengan adanya ledakan maklumat dan pesatnya jaringan komunikasi berteknologi tinggi, maka bidang perniagaan dan usahawan adalah terbuka lebih luas, yang mana dengan terciptanya platform seperti ini, para belia seharusnya lebih kreatif lagi memperkasa diri masing-masing.

Titah baginda lagi, pada masa yang sama, kerajaan baginda juga sedang menyusun semula dan memperbaiki 'Eco-System Keusahawanan Belia' untuk membantu mereka menjadi pengusaha yang berjaya termasuk mengemaskinikan

program yang sedia ada di bidang *capacity building*, penyediaan kemudahan infrastruktur yang berbentuk fizikal dan digital serta kemudahan pembiayaan kewangan dan *market access*.

Baginda menambah titah, kerajaan baginda juga akan turut melangkah lebih jauh menyediakan Eco-System Keusahawanan Belia yang lebih komprehensif, yang mana salah satu daripada pemberian Eco-System tersebut ialah dengan mempromosi dan menyediakan peluang-peluang perniagaan yang spesifik untuk membantu para belia memulakan perusahaan.

Pihak agensi kerajaan yang berkenaan tambah baginda, akan bekerja rapat dengan pengusaha-pengusaha belia di dalam mengenal pasti bidang-bidang tertentu, seperti menyediakan pelan perniagaan dan kemudahan-kemudahan lain.

Pada mengakhiri titah bersempena HBK pada tahun ini, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini yang telah memberikan sumbangan mereka kepada negara dan bangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-13, Tahun 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba bagi Majlis Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018.



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (kiri dan kanan).

Berangkat ke Sambutan HBK Ke-13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Belia Cemerlang kepada Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah (kiri) dan Anugerah Belia Berkhidmat kepada Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias (kanan) pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-13, Tahun 2018.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-13, Tahun 2018 di Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018 dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan

Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof (kiri) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia bagi Program Belia Sayang kepada wakil Teachmeguru / Kelab Komuniti Belia Transformasi (kanan) pada Majlis Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018.



SUASANA bacaan ikrar daripada para belia (kiri), sementara gambar kanan, Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia yang diketuai oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akbar bin Pengiran Haji Sellahuddin yang juga selaku Pengasas Bersama dan Penasihat Projek Bina Ukhwah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ketika berkenan bergambar ramai pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-13, Tahun 2018.

Dari muka 4

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya menyembahkan bahawa keberangkatan Kebawah DYMM adalah salah satu tanda penghormatan dan keprihatinan yang amat tinggi nilainya, sebagai suntikan semangat kepada para belia dan belianis untuk terus bekerja keras dalam menyumbangkan tenaga dan bakti kepada negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Tambah Yang Berhormat, golongan belia telah terus mengorak langkah ke hadapan dengan pantas dalam pelbagai bidang, termasuk keusahawan dan kesukarelawan, malah mereka berani tampil ke hadapan pada menyahut titah Kebawah DYMM untuk sentiasa berusaha demi membina keperibadian, pendidikan dan kebolehan yang sempurna dan pada masa yang sama memupuk kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara kerana inilah maksud Belia Berkualiti yang amat dihasrat oleh negara dan ciri-ciri itu yang perlu dipupuk dan disebarluaskan lagi.

Yang Berhormat seterusnya menambah pada menyahut titah Kebawah DYMM bagi para belia untuk memberikan nafas baharu pada segala usaha pembangunan dalam negara, sambutan pada kali ini menekankan pentingnya memupuk ekosistem yang menggalakkan dan menyokong para usahawan belia secara berterusan.

"Oleh itu, beberapa pendekatan telah pun diambil demi menjadikan sambutan terus-menerus mempunyai lebih nilai tambah. Majlis Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang bertemakan 'Kejayaan' pada tahun ini menghimpunkan seramai lebih 34 usahawan belia yang telah

mencapai kecemerlangan, yang bertapak dalam industri-industri baharu dan lama dan juga usahawan-usahawan belia yang berpotensi untuk berjaya untuk mengongsi kejayaan dan pengalaman mereka," ujar Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, menurut Yang Berhormat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bersama-sama pihak berkepentingan berganding bahu untuk mengadakan pameran khusus mengenai pemupukan ekosistem juga acara perkongsian ilmu melalui Pleno yang akan berlangsung selama tiga hari demi mengongsikan amalan-amalan terbaik secara efektif.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa demi memastikan impak daripada sambutan itu adalah berterusan, satu Tadbir Urus Strategi Keusahawanan Belia telah pun diwujudkan bagi memastikan segala strategi dan inisiatif yang diambil akan memberikan kesan berpanjangan bagi para belia untuk bertapak dalam alam keusahawanan.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia yang diketuai oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin yang juga selaku Pengasas Bersama dan Penasihat Projek Bina Ukhwah.

Majlis disusuli dengan tayangan video terbitan kumpulan belia kreatif yang memaparkan beberapa usahawan belia yang telah mencapai kecemerlangan di bidang keusahawanan serta usahawan belia yang melopori industri-industri baharu

untuk berkongsi pengalaman mereka dan menginspirasikan agar para belia khususnya akan sentiasa berusaha dan tidak putus asa untuk mencapai sesuatu kejayaan terutama dalam bidang keusahawanan.

Kemudian, majlis diteruskan dengan persembahan koir oleh seramai 34 belia daripada gabungan persatuan-persatuan belia dan orang kelainan upaya.

Acara kemuncak sambutan ialah Penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2018 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan, kemudian berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018.

Sesuai dengan matlamat Sambutan HBK 2018, iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini, maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan sambutan tersebut akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018 (kiri), sementara gambar kanan, persembahan koir daripada gabungan 34 belia.

Pameran Hari Belia Kebangsaan himpulkan usahawan belia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan Pameran Keusahawanan dan Kepimpinan dan Pameran Ekosistem Keusahawanan yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Perhimpunan Ramah Mesra sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali ini mengetengahkan Pameran Keusahawanan dan Kepimpinan dan Pameran Ekosistem Keusahawanan yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat

Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-

Antarabangsa, Berakas.

paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menyaksikan pameran tersebut.

Pada tahun ini terdapat dua komponen utama bagi Perhimpunan Ramah Mesra, iaitu Pameran Keusahawanan dan Kepimpinan dan Pameran Ekosistem Keusahawanan.

Fokus bagi Perhimpunan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

Ramah Mesra Belia menampilkan 34 golongan usahawan belia yang telah mencapai kejayaan tinggi di dalam bidang keusahawanan dengan mengelakkan konsep interaksi

di antara usahawan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan hasil pertanian yang melibatkan belia (kiri) dan projek penternakan kambing yang diusahakan oleh belia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan daripada salah seorang peserta yang ikut serta dalam pameran pada Perhimpunan Ramah Mesra Belia sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-13 Tahun 2018 di Dewan Persidangan Utama (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mencuba memainkan piano di ruang legar Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 6

Kluster tumpuan Pameran Keusahawanan dan Kepimpinan menumpukan kepada beberapa bidang antaranya adalah sektor pertanian, sektor minyak

dan gas, sektor petrochemical (produk minyak dan gas), sektor penyediaan perkhidmatan, sektor makanan dan minuman, sektor informasi dan teknologi, sektor perubatan, sektor sukan, sektor pendidikan dan sektor

fesyen.

Selain itu, perhimpunan pada tahun ini juga turut mempamerkan beberapa bidang yang dilihat sebagai industri yang sedang membangun.

Perhimpunan itu bertujuan

untuk menghimpunkan usahawan belia yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang keusahawanan serta usahawan belia yang mempelopori industri-industri baharu untuk berkongsi kejayaan dan

pengalaman sesama mereka khusunya kepada para pengunjung.

Antara yang mengikut pameran tersebut ialah Kindy Kare International, Mumtaz Collections dan Covered by Annisa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang peserta belia pada Majlis Sambutan HBK Ke-13 Tahun 2018 (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menunggang motosikal berkuasa tinggi pada majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang peserta di ruang legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Belia kini berani teroka alam perniagaan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Perkembangan dan peningkatan positif usahawan-usahawan muda di Negara Brunei Darussalam menunjukkan para belia di negara ini sudah mula berani melangkah meneroka alam perniagaan sebagai salah satu pilihan kerjaya mereka.

Sehubungan itu, sesi Pleno Usahawan Belia diadakan Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, Tahun 2018 yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang bertujuan untuk menjadi platform perbincangan di antara usahawan-usahawan belia dan agensi-agensi berkenaan mengenai isu-isu ekonomi semasa.

Pleno tersebut merupakan kesinambungan daripada Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang mempamerkan dua komponen utama, iaitu Pameran Usahawan dan Kepimpinan, dan Pameran Ekosistem

Keusahawanan dengan mengetengahkan tema 'Ekosistem Keusahawanan Belia (Youth Entrepreneurship Ecosystem)' pada sesi pertama, yang dibukakan kepada orang ramai.

Sesi Dialog Terbuka diadakan bersama wakil-wakil dari perusahaan pengurusan dan agensi-agensi yang berkenaan seperti Al-Huffaz Management, As-Salwaa, Marsya Farm, BruGoat Farming, In-Country Value Brunei Shell Petroleum, DARE, Bank Usahawan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang dimoderasikan oleh Ketua Ease of Doing Business, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Yusri bin Mat Yussof.

Hadir pada sesi tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAZ JENERAL (B) DATO PADUKA SERI AWANG HAJI AMINUDDIN IHsan BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN (TIGA, KANAN) SEMASA HADIR PADA SESI PLENO USAHAWAN BELIA SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-13.

bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi; Yang Berhormat Awang Iswandy bin

Ahmad dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Sesi Pleno tersebut diharapkan

akan dapat menjadi hala tuju yang efektif di dalam bidang keusahawanan dan menjadi persidangan tahunan yang dapat menyatukan pelbagai agensi di dalam sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035.



SESI Dialog Terbuka bersama wakil-wakil daripada perusahaan pengurusan dan agensi-agensi yang berkenaan pada sesi Pleno Usahawan Belia yang diadakan di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Belia cemerlang perlu bersikap 'inda mau-mau'

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ogos. - Usia muda tidak menjadi penghalang kepada tiga penerima anugerah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2018 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas untuk berjaya dalam bidang masing-masing dan seterusnya menabur bakti kepada masyarakat dan negara.

Salah seorang penerima, iaitu penerima Anugerah Belia Cemerlang, Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah yang juga Pengasas Battlepro Management merupakan contoh belia yang mempunyai pencapaian tinggi dan seimbang dengan ciri-ciri positif.

Beliau ketika ditemui berkata, antara ciri-ciri asas yang perlu ada pada diri setiap belia cemerlang adalah perlu untuk bersikap 'inda mau-mau' untuk terus berusaha

untuk berjaya dalam mencapai cita-cita.

Beliau mula aktif dalam dunia perniagaan sejak tahun 2014 dan pernah dianugerahkan ASEAN Youth Social Entrepreneurship Award (AYSEA) pada tahun 2017.

Sementara itu, penerima Anugerah Belia Berkhidmat, Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias, seorang Guru Sosiologi ketika ditemui melahirkan rasa terharu, gembira dan bersyukur kerana dipilih untuk menerima anugerah berkenaan.

Menurutnya, menjadi fasilitator dalam mengendalikan bengkel serta membuat percakapan umum membuat beliau sentiasa rasa teruja dan gembira apabila menerima maklum balas yang positif daripada para peserta.

Beliau juga menyarankan para belia agar mengatasi rasa malu dan

rendah diri bagi memperbaiki diri dari semasa ke semasa dan tidak lupa untuk melibatkan ahli keluarga dan belia-belia lain bersama untuk mencapai kejayaan.

Manakala bagi penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia dan penerima Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia, Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof yang merupakan pengasas sebuah program keusahawanan sosial, iaitu Teachmeguru serta Pengerusi Biro Pendidikan di Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) pula menyatakan bahawa masa dan kewangan merupakan dua cabaran dan pengorbanan terbesar yang beliau serta persatuan hadapi dalam menjalankan Program Belia Sayang.

Selain itu, katanya, kemahiran juga diperlukan untuk menjadi belia yang cemerlang kerana mereka yang berminat untuk mencebur sesuatu bidang perlu mempunyai kemahiran yang betul untuk berjaya.



PENERIMA Anugerah Belia Cemerlang, Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.



PENERIMA Anugerah Belia Berkhidmat, Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias.



PENERIMA Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia, Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof.

I-Usahawan bantu peniaga muda



SESI Pleno Keusahawanan Belia diisikan dengan sesi dialog bersama usahawan-usahawan berjaya yang dijemput untuk mengongsikan pengalaman, seperti pereka fesyen Na Forrer Atelier, Tasconi's Pizza, Tarbiyyah Global dan Seri Pakatan Sdn. Bhd. (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Ogos. - Pelbagai program disediakan oleh agensi-agensi yang berkenaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi usahawan muda dalam bidang perniagaan, termasuk akses pada modal kewangan, infrakstruktur dan kemudahan, pembangunan kapasiti, perkhidmatan sokongan perniagaan yang dikongsi serta akses pasaran.

Wakil dari Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Cynthia Lim berkata, salah satunya ialah inisiatif I-Usahawan, yang merupakan Program Pembangunan Keusahawanan Belia untuk memulakan, memiliki dan mengembangkan perniagaan mereka dan seterusnya mendapatkan kontrak pertama mereka secara kompetitif.

Beliau mengongsikan perkara tersebut pada hari kedua sesi Pleno Keusahawanan Belia mengenai 'Ekosistem Keusahawanan : Peluang-Peluang Untuk Belia' yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Program tersebut, katanya,

hanya tersedia untuk syarikat milik rakyat jati berusia di antara 18 hingga 40 tahun dan para peserta akan menerima latihan untuk memulakan, menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka serta diperluaskan pada kontrak yang melibatkan badan berkanun syarikat-syarikat gabungan kerajaan dan kerajaan.

Para belia yang hadir juga berkesempatan untuk menyertai sesi perkongsian pengalaman daripada usahawan-usahawan tempatan yang berjaya dalam pasaran antarabangsa.

Peluang-peluang keusahawanan juga ditawarkan dalam bidang Agribisnes dan Akuakultur melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, di samping inisiatif-inisiatif dari Darussalam Enterprise (DARe) untuk mendorong pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk pembangunan ekonomi negara yang mampan dalam jangka panjang.

Pleno Keusahawanan Belia tersebut merupakan

kesinambungan daripada Perhimpunan Ramah Mesra Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman